

24 NOVEMBER 2017

Lima individu termasuk dua wanita ditahan

Polis rampas pelbagai jenis dadah seberat 9.24kg

Lima individu termasuk dua wanita ditahan

Oleh NOOR SYAHIDATOL
AQMA MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR – Polis menahan lima individu termasuk dua wanita dan merampas pelbagai jenis dadah seberat 9.24 kilogram (kg) bernilai RM105,320 dalam tiga tangkapan berasingan di sini Isnin lalu.

Kesemua suspek berusia antara 22 hingga 39 tahun itu ditahan dalam operasi khas selama tiga jam bermula pukul 6.30 petang.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, dalam tangkapan pertama pada pukul 6.30 petang itu, pihaknya menahan sebuah kereta yang dinaiki sepasang kekasih berusia 27 dan 25 tahun di Jalan Kuchai Lama sebelum suspek membawa anggota polis ke sebuah kondominium.

“Hasil pemeriksaan, kita merampas pil ekstasi seberat 8.76 gram (g) dan ketamin seberat 53.4g dengan berjumlah RM100,000,” katanya pada sidang akhbar di IPK Kuala Lumpur di sini semalam.

Katanya, seorang lelaki berusia 31 tahun pula ditahan pada pukul 8.50



MAZLAN (tengah) menunjukkan barang rampasan pada sidang media di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur semalam.

malam di tempat letak kereta di sebuah pangsapuri di Taman Maluri, Cheras dan pihaknya merampas 298g dipercayai serbuk ekstasi bernilai RM1,800.

“Pihak polis seterusnya berjaya menahan seorang lelaki serta seorang wanita berusia 22 dan 39 tahun di tempat letak kereta sebuah pasar raya di

Jalan Kepong dan hasil pemeriksaan di dalam kereta menemui dadah dipercayai serbuk syabu seberat 184.6g yang bernilai RM3,520,” ujarnya.

Menurut Mazlan, pihaknya percaya kesemua suspek yang aktif sejak empat bulan lalu membekalkan dadah tersebut kepada pusat-pusat hiburan sekitar ibu kota.